

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina sebuah kompleks sukan di Wangsa Maju bagi memenuhi keperluan belia di kawasan ini memandangkan populasi penduduk adalah sekitar 800,000 orang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan buat masa ini tiada perancangan untuk membina sebuah kompleks sukan di kawasan Wangsa Maju. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia untuk melihat semula kemudahan sukan di kawasan Wangsa Maju dan keperluan pembinaan sebuah kompleks sukan baharu untuk digunakan oleh penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih.